

# TANGGUNGJAWAB AKAN DIPERSOALKAN

## Pengenalan

Akal dan nafsu merupakan dua nikmat penting yang berada dalam diri manusia. Penganugerahan dua nikmat ini kepada manusia, secara tidak langsung telah meletakkan kemuliaan kejadian manusia berbanding dengan makhluk lain. Namun begitu, sekiranya seseorang manusia tidak dapat mengimbangkan kedudukan akal dan juga nafsu maka kedudukan seseorang insan akan dipandang lebih hina daripada ciptaan Allah SWT yang lain. Justeru jika direnungkan dengan penuh insaf, berdasarkan dua kelebihan itulah Allah SWT telah menganugerahkan manusia dengan pelbagai tanggungjawab sebagai pentadbir atau khalifah di muka bumi ini.

Apabila membincangkan berkenaan tanggungjawab, maka seperkara yang tidak dapat dinafikan adalah ia merupakan satu amanah besar yang tidak mampu dipikul oleh makhluk lain selain manusia. Allah SWT telah merakamkan realiti ini dengan sangat jelas di dalam al-Quran:

*“sesungguhnya Kami telah kemukan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya) maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya), dan (pada ketika itu) manusia (dengan persedian yang ada padanya) sanggup memikulnya (ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan”*

(Surah al-Ahzab: ayat 72)

Al-Hasan al-Basri salah seorang pemikir Islam pada zaman *tab`in* telah menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan tanggungjawab pada ayat ini adalah amanah untuk menunaikan kefarduan. Manakala menurut pandangan Imam Ibn Kathir, beliau menjelaskan bahawa kesanggupan manusia untuk memikul tanggungjawab yang diberikan sedangkan

mahluk lain menolak bebanan tanggungjawab yang diberikan. Walaupun pada hakikatnya, tidak dapat dinafikan bahawa tabiat semulajadi manusia adalah sering melakukan kezaliman dan inilah telah dinyatakan oleh para malaikat ketika awal kejadian manusia. Oleh yang demikian, berdasarkan dua nikmat yang telah dinyatakan di awal tadi seseorang itu dapat memaksimumkan kedua-dua nikmat itu untuk menunaikan tanggungjawab dengan penuh amanah ataupun untuk bertindak zalim terhadap amanah yang diberikan.

Secara asasnya dalam kehidupan seorang insan mereka tidak dapat lari daripada menunaikan dua tanggungjawab yang besar dalam kehidupan harian. Dua tanggungjawab yang dimaksudkan adalah tanggungjawab pada Allah SWT dan tanggungjawab pada manusia. Perlu diketahui, bahawa kedua-dua tanggungjawab itu pasti akan dipersoalkan oleh Allah SWT apabila tiba harinya kelak.

### **Tanggungjawab Pada Allah SWT**

Sekiranya direnungkan kembali hakikat penciptaan manusia, perlu disedari bahawa kejadian manusia itu adalah bersifat hamba. Realitinya, apabila seseorang menciptakan sesuatu maka yang dicipta itu akan berkhidmat kepada yang mencipta dengan sepenuh hati. Hal yang sama juga berlaku pada manusia, Allah SWT telah menciptakan manusia bermula dengan setitik air mani kemudian telah melalui beberapa peringkat sehingga ditiupkan roh pada diri manusia. Oleh yang demikian, menjadi satu kewajipan untuk setiap manusia untuk mengikuti setiap yang diaturkan oleh Maha Pencipta iaitu Allah SWT kerana hamba kepada Allah SWT adalah manusia.

Dalam al-Quran terdapat beberapa ayat yang menjelaskan tanggungjawab utama yang perlu diselesaikan oleh manusia. Antara ayat yang perlu direnungi adalah:

*“tidak Aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka beribadat”*

(Surah al-Zariyaat; ayat 56)

Majoriti para pemikir Islam seperti Ibn Hatim, al-Tobari, al-Samarqand, al-Tha`labi dan beberapa ulama lain apabila mereka berinteraksi dengan ayat ini majoriti mereka

mengatakan bahawa ayat ini berkaitan dengan hal ibadat kepada Allah SWT. Oleh Yang demikian, berdasarkan dengan ayat ini jelas hakikat sebenar tanggungjawab yang diberikan kepada manusia adalah untuk mentauhidkan kepada Pencipta.

Namun begitu, jika dilihat dalam konteks yang luas pada pemaknaan istilah ibadat itu ianya tidak hanya terhad kepada solat sahaja. Walau pun tidak dinafikan itu adalah salah satu daripada makna ibadat yang difahami secara khusus. Namun begitu, seseorang itu melakukan sesuatu perkara yang disuruh oleh Allah SWT dan meninggalkan setiap perkara yang dilarang oleh Allah SWT serta rasulNya juga terangkum dalam terminologi ibadat yang perlu difahami secara holistik, demikianlah yang telah dinyatakan oleh al-Samarqand pada pandangan yang lain.

Oleh yang demikian, tanggungjawab kepada Allah SWT itu bukan sahaja mendirikan solat semata-mata tetapi ianya terangkum dalam semua perkara yang diredhai oleh agama.

### **Tanggungjawab Pada Manusia**

Selain tanggungjawab kepada Allah SWT sebagai tajuk utama dalam kehidupan manusiawi, setiap insan juga turut dibebankan dengan perhubungan sesama manusia sebagai bentuk tanggungjawab yang kedua perlu dilunaskan. Manusia yang hidup dalam sebuah komuniti sama ada besar atau kecil tidak terlepas daripada tanggungjawab ini.

Rentetan daripada itu, terdapat sebuah hadith yang menghubungkan tanggungjawab sesama manusia dalam sebuah komuniti yang lengkap. Hadith yang diriwayatkan oleh `Abd Allah ibn Umar:

*"ketahuilah setiap kalian adalah pemimpin dan setiap kalian akan ditanya tentang orang yang dipimpin, pemerintah yang memerintah rakyatnya akan dipertanggungjawabkan atas kepimpinannya, setiap ketua keluarga akan memimpin isi rumah dan dia akan dipertanggungjawabkan atas kepimpinannya, isteri bertanggungjawab atas rumah tangganya dan anak-anaknya dan dia juga akan dipertanggungjawab atas tanggungannya, hamba kepada pemimpin juga bertanggungjawab ke atas harta tuannya dia juga akan*

*dipertanggungjawab atas tanggungjawabnya itu, ketahuilah bahawa setiap kalian bertanggungjawab atas apa yang dipimpin”*

(Sahih al-Bukhari)

Hadith ini menjadi indikator jelas terhadap tanggungjawab yang dipikul oleh manusia di dunia. Berdasarkan kepada hadith ini, seorang tokoh pemikir Islam terdahulu iaitu al-Imam Ibn Hajar al-`Asqalani menyatakan bahawa tanggungjawab adalah memelihara apa yang terdapat di bawah tanggungannya dan melakukan apa yang wajib dilakukan. Justeru jika dilihat dalam konteks hadith yang dibawakan ini, Nabi SAW telah menyatakan dengan jelas bahawa seorang suami itu wajib memikul bebanan tanggungjawab terlebih dahulu kemudian disusuli dengan isteri sebagai tulang belakang bagi suami apabila menunaikan tanggungjawab. Hal ini sangat bertepatan dengan ayat al-Quran:

*“lelaki adalah lebih kuat daripada wanita...”*

(Surah al-Nisa` : ayat 34)

Jika dilihat pada sudut pandang yang lain, rangkuman situasi yang disabdakan oleh Nabi SAW di atas juga tidak terkecuali dalam persekitaran tentera secara lebih khusus. Walaupun sabdaan Nabi SAW itu adalah dalam bentuk komuniti bermasyarakat secara lebih umum, namun hirarki kepimpinan juga turut dipraktikkan oleh pelbagai organisasi termasuklah organisasi beruniform seperti tentera. Justeru, dalam setiap saluran di dalam organisasi ketenteraan juga memerlukan tanggungjawab yang pastinya akan dipersoalkan oleh Allah SWT di akhirat kelak. Contoh yang lebih dekat untuk dihayati adalah pangkat yang dikurniakan kepada setiap insan dalam setiap organisasi secara umumnya ia pastinya datang berserta tanggungjawab kepada orang bawahan yang perlu dipimpin jalan mereka.

## **Penutup**

Berdasarkan apa yang telah dinyatakan ini, bahawa tanggungjawab itu adalah satu bebanan tugas yang perlu dilunaskan. Ianya bukan satu bentuk kemuliaan yang perlu dibanggakan tetapi adalah amanah yang pastinya akan dipersoalkan di akhirat nanti. Kisah Umar ibn `Abd Aziz sejeurus dilantik menjadi khalifah perlu diteladani dan dihayati setiap insan. Agar

kisahnyanya itu membuatkan para pembaca berasa insaf bahawa kealpaan manusia melunaskan tanggungjawab akan membawa kerugian yang besar di akhirat kelak.

(Aritikel ini disumbangkan oleh: Kapt Dr. Mohd Nor Adli bin Osman; Jurulatih ILMI ATM)